

Bayi 6 bulan mangsa dera meninggal

» Mangsa alami pendarahan otak, retak tengkorak

Oleh Fazridha Mustafa
bhnews@bh.com.my

► Klang

Bayi perempuan berusia enam bulan yang berada dalam keadaan kritikal dipercayai didera pengasuhnya, meninggal dunia kira-kira jam 2.20 petang semalam.

Nur Sofea Insyirah Mohd Sharil meninggal dunia selepas empat hari bertarung nyawa di Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU), Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) di sini, akibat mengalami pendarahan otak selain retak tengkorak serta lebam pada dahi dan kedua-dua lutut.

Dalam kejadian Rabu lalu, Nur Sofea dilaporkan tidak sedarkan diri dan dihantar ke HTAR oleh pengasuhnya selepas mengalami sesak nafas.

Ketua Polis Klang Selatan

Asisten Komisioner Mohamad Mat Yusop ketika dihubungi, berkata siasatan lanjut akan dijalankan kerana kejadian terbabit sebelum ini disiasat sebagai kes dera.

Siasatan akan ditukar

"Bayi itu disahkan meninggal dunia di HTAR petang tadi (semalam). Siasatan Bahagian Siasatan Jenayah Seksual/Kanak-kanak (D11) Ibu Pejabat Daerah (IPD) Klang Selatan yang sebelum ini menjurus kepada kes dera, akan ditukar mengikut seksyen yang berseesuaian dengan kejadian itu," katanya.

Sebelum ini, kes itu disiasat mengikut Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001 dan pengasuh sudah dibebaskan dengan jaminan polis selepas keterangannya diambil.

Difahamkan, pengasuh itu ialah isteri rakan sekerja bapa mangsa.

Sementara itu, Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Klang, Abdul Ghani Jemani berkata, pihaknya akan memberi khidmat kaunseling kepada keluarga bayi itu, yang mungkin sukar untuk menghadapi kejadian terbabit.

Waris terdekat mangsa (gambar kecil) membawa keluar jenazah selepas proses bedah siasat dijalankan di Rumah Mayat HTAR, Klang, semalam.

[FOTO ASYRAF HAMZAH / BH]



[FOTO IHSAN POLIS]

Katanya, khidmat kaunseling untuk keluarga mangsa penting supaya mereka dapat menerima hakikat kejadian berkenaan, termasuk mengurangkan tekanan perasaan serta emosi.

Difahamkan, jenazah bayi itu akan dibedah siasat sebelum dikebumikan di tanah perkuburan Islam di Teluk Piai, Kuala Selangor.